

MT terima kembali Askalani, Ikmal Hisham sertai UMNO

UM- 30/3/2007



NAJIB Tun Razak berbincang dengan Hishammuddin Hussein selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 29 Mac - Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan keputusan Majlis Tertinggi (MT) UMNO menerima kembali dua ahli parti itu ke dalam UMNO setelah mereka dikenakan tindakan sebelum ini.

Katanya, Datuk Askalani Abdul Rahim yang dipecat pada 1999 dan bekas Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tanah Merah, Ikmal Hisham Abdul Aziz yang digantung pada 2004 diterima kembali menyertai UMNO setelah dipersetujui oleh MT.

"Permohonan Askalani untuk menyertai UMNO disokong oleh Badan Perhubungan UMNO Sabah, manakala Ikmal Hisham pula kita mansuhkan penggantungan keahliannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Pada sidang akhbar itu juga, Najib berkata, mesyuarat hari ini mengambil keputusan supaya jentera pilihan raya UMNO bekerja keras membantu Barisan Nasional (BN) mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap pada pilihan raya kecil bulan depan.

"Sungguhpun ia merupakan kerusi MCA tetapi UMNO akan berjuang habis-habisan bagi me-

mentukan BN dapat mempertahankan kerusi itu dengan keputusan lebih cemerlang," katanya.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil Machap ialah pada 3 April dan pengundian ditetapkan pada 12 April ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Pengerusi MCA Melaka yang juga wakil rakyat kawasan tersebut, Datuk Wira Poh Ah Tiam, 55, pada 15 Mac yang lalu.

Najib berkata, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam telah memberi taklimat kepada MT mengenai persiapan pilihan raya kecil itu.

Beliau berkata, pembangkang tidak mempunyai isu tempatan untuk diketengahkan ekoran khidmat cemerlang mendiang Ah Tiam dan kerajaan negeri di kawasan berkenaan.

Ketika ditanya mengenai tindakan Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah membuat laporan polis terhadap beliau kerana menyalah guna kuasa, Najib berkata: "Saya tidak tahu tetapi sesiapa pun boleh buat laporan. Saya tidak perlu memberi reaksi."

Berhubung laporan polis terhadap Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak akan memberi reaksi sebaliknya ia diserahkan kepada pihak berkuasa.